

# PM jadikan sidang medan bincang isu kekejaman Israel

Anwar akan bertemu Putera Mahkota Arab Saudi, pemimpin dari UAE, Qatar, Mesir dan Turkiye



**Suara** Malaysia sekali lagi dijangka mendapat perhatian antarabangsa apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bakal menjadikan Sidang Kemuncak Majlis Kerjasama ASEAN-Teluk (GCC) di sini, esok (Jumaat) sebagai medan membincangkan isu kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin.

Pentas ASEAN-GCC tentunya menjadi peluang kepada ketua negara ASEAN dan Negara Teluk lebih fokus dan bertukar-tukar pandangan bagi menangani penderitaan rakyat Gaza akibat kezaliman terbaharu tentera Zionis.

Ini selari dengan pendirian tegas Anwar, bahawa Malaysia

memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada rakyat Palestin, termasuk menggesa gencatan senjata segera dilaksanakan di Gaza, bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan.

Malah, Anwar mengutuk sikap hipokrit dunia Barat menutup mata dan membenarkan tindakan penghapusan etnik oleh rejim Israel yang jelas menyalahi undang-undang antarabangsa.

## Perkembangan di Gaza

Sementara itu, media tempatan *Riyadh Daily*, melaporkan Mesyuarat Luar Biasa Menteri-Menteri Luar GCC semalam, turut membincangkan perkembangan mutakhir yang berlaku di wilayah Palestin, pengeboman tentera Israel terhadap penduduk Semenanjung Gaza yang setakat ini meragut ribuan nyawa.

Mesyuarat dipengerusikan Menteri Luar Oman, Sayyid Badr bin Hamad, bersempena persidangan ASEAN-GCC yang menyusul esok, turut merakam cabaran mendesak yang dihadapi wilayah Arab berhubung kekejaman terbaharu Israel.

Anwar juga menyatakan untuk mengadakan perjumpaan dengan Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman, selain pemimpin dari UAE, Qatar, Mesir dan Turkiye, berhubung konflik Israel-Palestin.

GCC yang dianggotai enam negara Arab Saudi, Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Emiriah

Arab Bersatu (UAE) mula menjalin hubungan dengan ASEAN pada 1990.

Sidang kemuncak itu akan membincangkan hala tuju masa depan hubungan ASEAN-GCC sesuai dengan hasrat ASEAN mengikat hubungan lebih luas dengan negara Asia Barat.

Menurut penganalisis, sidang kali ini menarik apabila ia dijangka memperkukuhkan lagi hubungan sesama anggota dari segi ekonomi dan kerjasama tenaga serta menangani cabaran global ditunjangi negara kuasa dunia.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini juga, ASEAN semakin erat meningkatkan perkongsian dialog dengan Amerika Syarikat (AS), China, India, Jepun dan Australia.

Tentunya kesempatan ini juga mahu diambil enam negara GCC bagi mengembangkan pasaran minyak dan berasaskan tenaga.

Pemerhati juga melihat ASEAN-GCC akan mendapat perhatian ketua negara bagi membincangkan kerjasama dan tindakan berkait isu perubahan iklim dunia, tenaga diperbaharui serta pelaburan dalam teknologi kuasa angkasa lepas.

Selain Anwar, ketua negara ASEAN mengesahkan penyertaan kali ini termasuk Presiden Indonesia, Joko Widodo; Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavysin dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet